

## **Struktur tripolar dan politik antarabangsa Asia Pasifik**

### **ABSTRACT**

Artikel ini membincangkan struktur tripolar yang berlaku di rantau Asia Pasifik daripada tahun 1971 hingga 1991 dan impak terhadap percaturan kuasa politik antarabangsa di rantau Asia Pasifik. Struktur tripolar adalah struktur kuasa yang terdiri daripada tiga kuasa iaitu Amerika Syarikat, Soviet Union dan China. Ianya penting dalam memahami percaturan kuasa yang berlaku di rantau Asia Pasifik dari tahun 1971 hingga 1991. Analisis percaturan kuasa di rantau Asia Pasifik selepas Perang Dingin berakhir juga perlu dikaitkan dengan struktur tripolar yang berlaku dalam tahun-tahun 1971-1991.